



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 06/2024**

## JUMAAT PENGHULU SEGALA HARI

21 JUN 2024 | 14 ZULHIJAH 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah Azza wajalla di dunia dan di akhirat

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Hari Jumaat merupakan penghulu segala hari. Sabda Rasulullah Sallahu alaihi wassalam dalam riwayat Imam Abu Daud dan Ibnu Majah:

إِنَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ سَيِّدُ الْأَيَّامِ

**Yang bermaksud:** *“Sesungguhnya hari Jumaat adalah penghulu segala hari.”*

Hadis ini menerangkan kelebihan hari Jumaat dari hari-hari yang lain. Bersesuaian dengan kelebihan hari Jumaat ini, kita diwajibkan menunaikan solat Jumaat kerana ia adalah perintah Allah Ta'ala melalui firman-Nya dalam surah al-Jumu'ah ayat 9:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

**Yang bermaksud:** *“Wahai orang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui.”*

Marilah kita bersyukur kepada Allah Ta'ala kerana kita termasuk dalam golongan orang yang menyahut perintah-Nya untuk melaksanakan kewajipan solat Jumaat. Hendaklah kita meninggalkan perbuatan berjual

beli termasuk makan di kedai-kedai ketika khatib membaca khutbah kerana perbuatan tersebut adalah dilarang oleh Allah Ta'ala. Sesungguhnya beruntunglah kita kerana Allah Ta'ala mengerakkan hati kita semua untuk berada pada detik ini di rumah Allah Ta'ala bagi menunaikan kewajipan yang besar ini. Semoga kita tidak termasuk dalam kalangan orang yang mengabaikan solat Jumaat kerana Rasulullah Sallahu Alaihi Wassalam telah memberi ancaman dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud,

*“Janganlah sesuatu kaum itu meninggalkan solat Jumaat. Jika tidak, nescaya Allah akan menutup hati-hati mereka, akibatnya mereka akan menjadi golongan yang lalai.”*

Solat Jumaat bukan semata-mata ibadat kepada Allah, namun ia adalah perhimpunan mingguan yang melambangkan perpaduan dan persaudaraan umat Islam. Umat Islam adalah umat yang kuat apabila mereka menjaga perpaduan dan kesatuan dalam kalangan mereka. Hari Jumaat kita semua bertemu dan bertanya khabar sesama kita serta dapat mengetahui isu-isu yang berkaitan umat Islam kerana sifat orang yang beriman hendaklah sentiasa mengambil berat terhadap Islam dan umatnya. Sabda Rasulullah Sallahu Alaihi Wassalam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضاً

**Yang bermaksud:** *“Antara seorang mukmin dengan mukmin yang lainnya adalah bagaikan satu bangunan, yang saling menguatkan satu sama lainnya.”*

## **Sidang Jumaat yang dikasihi**

Marilah kita merebut peluang untuk melaksanakan amalan-amalan sunat yang disuruh oleh Nabi Sallahu alaihi wassalam. Memperbanyak berselawat kepada Rasulullah Sallahu alaihi wassalam sepertimana sabdanya dalam hadis riwayat al-Baihaqi yang bermaksud:

*“Perbanyaklah selawat kepadaku pada setiap hari Jumaat. Ini kerana selawat umatku akan diperlihatkan padaku pada setiap hari Jumaat. Sesiapa yang banyak berselawat kepadaku, dialah yang paling dekat denganku.”*

Selain itu, kita juga disunatkan membaca surah al-Kahfi. Nabi Sallahu alaihi wassalam bersabda dalam hadis riwayat al-Hakim yang bermaksud:

*“Sesungguhnya barangsiapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat, maka dia akan disinari cahaya di antara dua Jumaat”*

Banyakkan berdoa kerana waktu doa yang mustajab ialah pada hari Jumaat. Nabi Sallahu alaihi wassalam bersabda dalam hadis riwayat Muslim yang bermaksud:

*“Padanya (iaitu pada hari Jumaat) terdapat satu waktu mustajab, apabila seorang hamba yang muslim sedang berdoa kepada Allah pada waktu itu, maka (Allah) akan memperkenankan doanya.”*

Alangkah ruginya apabila kita melalui hari Jumaat tanpa sebarang amalan yang membezakan kita daripada hari-hari lain.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala,**

Bagi menjadikan solat Jumaat sempurna dan diterima oleh Allah Ta'ala hendaklah kita berusaha supaya dapat menjaga dan mengamalkan adab-adab solat Jumaat. Antaranya mandi sunat, memakai wangi-wangian dan segera datang ke masjid serta memberi tumpuan kepada khutbah. Sabda Rasulullah Sallahu alaihi wassalam dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

*“Sesiapa yang berwuduk dan dia perelokkan wuduknya, kemudian dia pergi menuju solat Jumaat serta mendengar (khutbah) dengan teliti, dan diam (semasa khutbah), akan diampunkan dosa-dosanya dalam tempoh antara dirinya dan juga hari Jumaat (yang akan datang), serta ditambah tiga hari lagi. Dan sesiapa yang bermain dengan batu kecil, maka dia telah lagha.”*

Amatlah rugi apabila kita datang ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat namun kita tidak dapat pahala. Oleh itu ketika khatib berkhutbah berikan tumpuan dan ambil pengajaran daripadanya. Elakkan daripada bercakap-cakap, menggunakan telefon bimbit, tidur, makan minum dan seumpamanya. Nasihatilah rakan-rakan dan anak-anak kita agar menjauhkan diri daripada semua perbuatan ini supaya kita semua berada dalam keadaan menghormati khutbah Jumaat dan rumah Allah Ta'ala agar kita semua berada dalam rahmat dan reda-Nya.

Kesimpulannya, ambillah peluang daripada kelebihan hari Jumaat yang merupakan penghulu segala hari. Perbanyakkanlah amalan-amalan sunat seperti membaca surah al-Kahfi, surah Yasin, berselawat dan lain-lain. Marilah kita datang awal ke masjid, beriktikaf dan memberi

tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Tinggalkanlah sebarang urusan termasuk berniaga, makan minum dan lain-lain ketika khatib berkhotbah semoga kita mendapat keampunan Allah Ta'ala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا أَنْفَضُوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ اللَّهْوِ وَمِنَ التِّجَارَةِ  
وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّزَاقِينَ ﴿١١﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.